

## Aplikasi ‘Konsep 4C’ Pembelajaran Abad Ke-21 Dalam Kalangan Guru Pelajar Sarjana Mod Pengajian Pendidikan Bahasa Arab Cuti Sekolah UIAM

### Application of ‘4C Concept’ in 21st Century Learning Among Student Teachers for Master in Education for Arabic in School Holiday Mode, IIUM

Muhammad Sabri Sahrir<sup>1</sup>, Nurulhuda Osman<sup>2</sup>, Ilyani Syiham Muhammad<sup>3</sup>,

#### ABSTRAK

*Artikel ini bertujuan untuk menilai amalan kendiri dalam kalangan guru pelajar Mod Pengajian Sarjana Pendidikan Bahasa Arab Cuti Sekolah, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), kampus Gombak, Kuala Lumpur dalam pengaplikasian konsep Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21) dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) di sekolah-sekolah mereka. Seramai 30 orang guru pelatih jurusan Pengajian Sarjana Pendidikan Bahasa Arab sebagai Bahasa Kedua telah terlibat sebagai responden kajian semasa tempoh pengajian yang diadakan selama 3 minggu dari 2 Disember hingga 20 Disember 2019 di Kampus Induk UIAM Gombak. Reka bentuk kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif deskriptif yang disokong oleh soalan terbuka bagi mendapatkan respons penambahbaikan yang patut dilakukan di sekolah masing-masing dalam melaksanakan PAK21. Para responden dikehendaki menjawab 20 item melalui empat konstruk ciri-ciri PAK21 atau ‘Konsep 4C’ iaitu kreativiti (creativity), pemikiran kritis (critical thinking), kolaborasi (collaborative) dan komunikasi (communication) melalui soal selidik kajian yang diubahsuai menggunakan skala likert lima mata. Analisis kajian hanya melibatkan deskriptif kekerapan, peratusan, dan analisis tema kualitatif daripada soalan terbuka bagi melaporkan dapatan kajian. Hasil kajian secara keseluruhan mencatatkan tahap kekerapan dan peratusan tinggi dan sederhana bagi keempat-empat ‘Konsep 4C’, iaitu kreativiti (creativity), pemikiran kritis (critical thinking), kolaborasi (collaborative) dan komunikasi (communication). Dapatan soalan terbuka juga turut mengumpulkan cadangan penambahbaikan yang patut dilakukan di sekolah masing-masing dalam melaksanakan PAK21 secara teori dan praktikal dalam konteks PdP bahasa Arab di Malaysia.*

<sup>1</sup> Muhammad Sabri Sahrir (Prof. Madya Dr.). Jabatan Bahasa dan Literasi, Kulliyyah Pendidikan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), 53100 Gombak, Kuala Lumpur, muhdsabri@iium.edu.my

<sup>2</sup> Nurulhuda Osman (PhD). Jabatan Bahasa Al-Quran, Pusat Bahasa dan Pembangunan Akademik Pra-Universiti (CELPAD), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), 53100 Gombak, Kuala Lumpur, nhuda@iium.edu.my

<sup>3</sup> Ilyani Syiham Muhammad (PhD). Jabatan Bahasa Al-Quran, Pusat Bahasa dan Pembangunan Akademik Pra-Universiti (CELPAD), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), 53100 Gombak, Kuala Lumpur, ilyani@iium.edu.my

**Kata kunci:** Bahasa Arab, PAK21, kreativiti, pemikiran kritis, kolaborasi dan komunikasi

### ABSTRACT

This article aims to assess self-practice among student teachers in Master of Education in Teaching Arabic to Non Native Speaker (M.ED TANAS) for School Holiday mode at International Islamic University Malaysia (IIUM), Gombak Campus, Kuala Lumpur in the application of learning in 21st Century Education (PAK21) in Teaching and learning (PdP) in their schools. A total of 30 teachers from Master of Education in Teaching Arabic to Non Native Speaker (M.ED TANAS) for School Holiday mode was involved as a respondent during the study period which was held for 3 weeks from 2 December to 20 December 2019 at the IIUM main campus. The design of this study employs a descriptive quantitative approach supported by open ended questions to obtain in-depth responses in implementing PAK21. The respondents were required to answer 20 items through the four elements of the PAK21 or 'concept of 4C', namely creativity (creativity), critical thinking (critical have), collaboration (collaborative) and communication (communication) through a modified survey by using 5 Likert scales. The analysis only involves a descriptive frequency, percentage, and a qualitative theme analysis from open ended question in reporting the findings of the study. The results of the study showed high and moderate percentages of the four 'concept of the 4C', namely creativity (creativity), critical thinking (critical have), collaboration (collaborative) and communication (communication). The findings of the open ended question also collects the proposed improvement to be implemented in their schools in applying PAK21 theoretically and practically in the context of teaching and learning (PdP) of Arabic language in Malaysia.

**Keywords:** Arabic, PAK21, creativity, critical thinking, collaboration and communication

### Pengenalan

Kepentingan merancang dan melaksanakan konsep Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21) dalam PdP dalam pendidikan dalam semua peringkat sering kali dibincangkan oleh ahli akademik dan pakar-pakar pendidikan dalam pelbagai bidang. Kajian-kajian di luar negara dan Malaysia menunjukkan penerapan kemahiran abad ke-21 telah diberikan perhatian serius oleh institusi pengajian tinggi mereka bagi memenuhi keperluan pasaran kerja (Rohani, et. al, 2017). Secara umumnya, PAK 21 adalah pembelajaran yang berpusatkan kepada murid yang mengintegrasikan beberapa elemen yang diterapkan, iaitu komunikasi, kolaboratif, pemikiran kritis, kreativiti serta aplikasi nilai murni dan etika. Justeru, elemen-elemen standard asas dalam PAK21 ini dikenali dalam konsep 4C iaitu komunikasi, kolaboratif, pemikiran kritis, kreativiti dan juga 6C dengan tambahan 2 elemen aplikasi nilai murni dan etika menurut konteks Malaysia (Pendidik2u.my, 2018).

Pendidikan yang berkualiti dan cemerlang dalam pelbagai aspek termasuklah cemerlang dalam bidang kurikulum menjadi matlamat utama KPM dalam usaha melahirkan generasi alaf baru yang mampu menangani cabaran-cabaran abad ke-21 sepetimana yang dinyatakan di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (KPM 2013). Dalam mendepani cabaran pendidikan abad ke-21, agenda melahirkan modal insan minda kelas pertama berdasarkan apa yang digariskan dalam

Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010 (KPM, 2006), berkualiti tinggi sebagaimana gagasan Pelan Pembangunan Pendidikan (PPPM) 2013-2025 (KPM, 2013) telah diberikan penekanan sewajarnya. Justeru, penekanan terhadap kemahiran abad ke-21 dalam proses PdP atau lebih dikenali sebagai pembelajaran dan pemudah cara (PdPc) pada masa kini haruslah bermula dengan menerapkan konstruk kemahiran abad ke-21.

Bagi menangani cabaran ini, pihak KPM telah mengambil inisiatif dengan melaksanakan ujian rintis inisiatif PdP abad ke-21 pada tahun 2014 serta pelaksanaan pada peringkat nasional pada tahun 2015 (Buletin Anjakan, 2015) melalui Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) selaku institusi dipertanggungjawabkan melatih bakal guru sesuai dengan keperluan generasi kini. Pihak KPM juga sentiasa berusaha untuk meningkatkan mutu pencapaian dalam bidang pendidikan dengan sentiasa melakukan semakan, pemantauan dan pengemaskinian bagi memastikan sistem pendidikan Malaysia kekal relevan dengan kehendak semasa. Menurut Azalya (2003), bagi menghadapi cabaran globalisasi, rakyat Malaysia perlu dilengkapi dengan pelbagai kemahiran asas dalam bidang pendidikan serta latihan yang kukuh dan mempunyai pelbagai kemahiran umum termasuk kebolehan dalam berkomunikasi, menguasai pelbagai bahasa, berfikiran kritis dan berinovatif.

### Permasalahan Kajian

Aplikasi PAK21 tidaklah memberi penekanan kepada penggunaan teknologi semata-mata, malah ianya perlu berpusatkan pelajar dengan berpaksikan kepada empat elemen utama iaitu komunikasi, kolaborasi, kritis (pemikiran) dan kreativiti (Norhailmi, 2016) dan tambahan dua elemen aplikasi nilai murni dan etika menurut konteks Malaysia. (Pendidik2u.my, 2018). Walaupun PAK21 berpusatkan pelajar, para guru tetap relevan dan menjadi elemen penting kerana mereka merupakan ejen pelaksana dan pemudah cara yang perlu mempersiapkan diri dalam memastikan PAK21 dapat dilaksanakan dengan jayanya. Para guru juga seharusnya disediakan dengan kemahiran abad ke-21 meliputi pembelajaran dan kemahiran inovasi (*Learning and innovation skills*), kemahiran maklumat, media dan teknologi (*Information, media and technology skills*), kemahiran hidup dan kerjaya (*Life and career skills*) (Buletin Anjakan, 2015). Persediaan guru dalam mengaplikasikan konsep pembelajaran abad ke-21 (PAK21) ini akan dapat melahirkan para guru yang kompeten dan memenuhi cabaran pendidikan semasa pada setiap masa.

Selain itu, penerimaan ciri-ciri PAK21 dalam kalangan pelajar juga didapati masih pada tahap sederhana yang menunjukkan bahawa kemahiran yang dimiliki oleh guru untuk menerapkan pedagogi abad ke-21 masih perlu ditingkatkan. Kajian yang dilakukan oleh Masyuniza dan Zamri (2013) mendapati bahawa enam komponen kemahiran abad ke-21 yang dikaji (komunikasi, literasi era digital, pemikiran inventif, komunikasi berkesan, penghasilan produktiviti tinggi serta nilai dan norma kerohanian) masih berada pada tahap sederhana. Dalam aspek PdP bahasa, kajian Ainun Rahmah, Zamri dan Wan Muna Ruzanna (2017) menunjukkan bahawa pengaruh pembelajaran abad ke-21 banyak memberi kesan positif kepada sikap, motivasi, pencapaian pelajar ketika mempelajari Bahasa Melayu.

Dalam isu berkaitan PAK21 dalam PdP bahasa Arab khususnya dalam pengajaran bahasa Arab pendidikan abad ke-21 di sekolah-sekolah menengah di

Malaysia, kajian Husni, Abd Razif, Khairatul Akmar, Hasanah, Ku Fatahiyah, Wan Sakiah dan Naqibah (2018) mendapati bahawa terdapat empat perkara asas yang berkait dengan pelaksanaan PAK21 dalam proses PdPc yang perlu ditekankan iaitu persepsi, kesediaan, amalan dan cabaran guru dalam melaksanakan dan mengamalkan PAK21. Dalam konteks kajian ini, program Pengajian Sarjana Mod Cuti Sekolah, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) yang dijalankan secara bersama oleh Kulliyah Pendidikan UIAM dan IIUM Academy merupakan salah satu contoh program pendidikan berterusan yang ditawarkan kepada para guru seluruh Malaysia yang tidak dapat menyambung pelajaran di peringkat yang lebih tinggi mengikut jadual sepenuh masa. Justeru, pihak UIAM menawarkan program pendidikan berterusan alternatif melalui jadual pengajian fleksibel yang hanya dijalankan ketika musim cuti sekolah sahaja. Ini secara tidak langsung dapat membantu para guru khasnya dalam opsyen pengajaran Bahasa Arab dalam mempraktikkan teori-teori yang mereka pelajari dalam kuliah dan membina model PdP yang berkesan termasuk aplikasi PAK21 melalui simulasi latihan mengajar yang turut dijalankan di dalam kelas (Aziz, 2011).

Secara umumnya, kerangka pelaksanaan PAK 21 melibatkan 3 aspek utama iaitu kurikulum, pedagogi dan penaksiran yang bertujuan menghasilkan kemenjadian murid-murid daripada domain pengetahuan, kemahiran dan perwatakan. Manakala model PdPc yang berkaitan dengan aplikasi PAK-21 secara secara spesifiknya merujuk kepada aspek pedagogi yang dilaksanakan seperti strategi pembelajaran berdasarkan inkiri, strategi pembelajaran berdasarkan projek, strategi pembelajaran berdasarkan masalah dan aktiviti-aktiviti PAK 21 seperti ‘Think-Pair-Share’, ‘Round Table’, ‘Gallery Walk’, ‘Hot Seat’ dan ‘Stay Stray’. Namun begitu, aktiviti PAK21 ini tidak terhad kepada contoh-contoh yang telah dinyatakan tadi, sebaliknya bilangan dan variasinya bergantung kepada kreativiti para pendidikan untuk berinovasi. Semua maklumat ini boleh didapati daripada satu kit penerangan PAK21 telah diterbitkan oleh KPM (t.t). Selain itu, maklumat mengenai PAK21 secara terperinci boleh diakses secara dalam talian daripada pelbagai laman web dan blog pendidikan seperti CikguHailmi.com, Pendidik2u.my, CikguHerryMudahMengajar.com, Bahasa Syurga.net dan banyak lagi.

Justeru, kajian ini dijalankan untuk menilai amalan kendiri dalam kalangan guru pelajar sarjana Mod Pengajian Pendidikan Bahasa Arab Cuti Sekolah, UIAM, kampus Gombak, Kuala Lumpur dalam pengaplikasian konsep PAK21 dalam PdP di sekolah-sekolah mereka khususnya penilaian tentang aplikasi empat konsep PdP abad ke-21 (4C) yang merupakan fokus dan limitasi dalam kajian ini. Walaupun isu ini sudah seringkali dibincangkan secara meluas sejak tahun 2001, namun dapatan kajian ini akan mengkaji sejauh mana pelaksanaan dan keberkesanannya pembudayaannya sehingga tahun 2020 sebagaimana yang disasarkan oleh pihak KPM dalam kalangan para guru Bahasa Arab seluruh negara sehingga kini.

## Metodologi Kajian

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan rekabentuk pendekatan kuantitatif deskriptif yang disokong oleh soalan terbuka bagi mendapatkan respons penambahbaikan yang patut dilakukan oleh para guru bahasa Arab di sekolah masing-masing dalam melaksanakan PAK21. Para responden dipilih daripada kalangan guru pelajar sarjana Mod Pengajian Pendidikan Bahasa Arab Cuti Sekolah, UIAM, kampus Gombak, Kuala Lumpur. Seramai 30 orang guru yang mengambil jurusan Pengajian

Sarjana Bahasa Arab sebagai Bahasa Kedua telah terlibat sebagai responden kajian semasa tempoh pengajian yang diadakan selama 3 minggu dari 2 Disember hingga 20 Disember 2019. Para responden yang datangnya daripada pelbagai negeri di Malaysia ini dikehendaki menjawab 20 item melalui empat konstruk ciri-ciri PAK21 atau ‘Konsep 4C’ iaitu kreativiti (creativity), pemikiran kritis (critical thinking), kolaborasi (collaborative) dan komunikasi (communication) melalui soal selidik kajian yang diubahsuai daripada kajian Raja Abdullah Raja Ismail dan Daud Ismail (2018) dengan menggunakan skala likert 5 mata. Analisis kajian hanya melibatkan deskriptif kekerapan, peratusan dalam melaporkan daptatan kajian. Di samping itu, analisis tema kualitatif daripada soalan bentuk terbuka bagi turut ditambah bagi mendapatkan tambahan respons penambahbaikan yang patut dilakukan di sekolah masing-masing dalam aplikasi PAK21 bagi menyokong daptatan daripada data kuantitatif deskriptif.

### Dapatan Kajian

Dapatan kajian yang diperoleh telah digunakan untuk menjawab objektif kajian pertama iaitu mengenal pasti amalan kendiri konsep 4C PAK21 yang diaplikasikan guru pelatih pengajian agama dalam latihan praktikum di sekolah. Dapatan konsep 4C dilaporkan berdasarkan empat aspek tumpuan kajian, iaitu *kreativiti, pemikiran kritis, kolaborasi* dan *komunikasi* seperti di bawah.

#### a) Aspek Kreativiti

Jadual 1 di bawah menunjukkan tentang taburan kekerapan dan peratusan kreativiti (*creativity*) dalam konsep 4C PAK21 bagi guru-guru bahasa Arab dalam kajian ini. Secara umumnya, didapati bahawa item A5 mencatatkan daptatan tertinggi dengan 23 kekerapan (76.7%) untuk jawapan *Kerap* dan *Sangat Kerap*, diikuti oleh item A4 (N 19, 63.3%), dan A1 (N 17, 56.7%). Item paling rendah adalah A3 (N 12, 40%) diikuti oleh A2 (N 8, 26.6%).

**Jadual 1: Taburan Kekerapan dan Peratusan Aspek Kreativiti**

Item	Pernyataan	Kekerapan dan Peratusan				
		Tidak Pernah	Jarang	Sederhana	Kerap	Sangat Kerap
A1	Saya menerapkan unsur kreatif dalam aktiviti PdP bahasa Arab.	0	1 (3.3%)	12 (40%)	15 (50%)	2 (6.7%)
A2	Saya membina bahan PdP yang kreatif bahasa Arab.	0	2 (6.7%)	20 (66.7%)	7 (23.3%)	1 (3.3%)
A3	Saya mengamalkan penyoalan yang kreatif bahasa Arab.	0	2 (6.7%)	16 (53.3%)	10 (33.3%)	2 (6.7%)
A4	Saya menjana idea pelajar dalam penyoalan bahasa Arab.	0	0	11 (36.7%)	16 (53.3%)	3 (10%)
A5	Saya menggalakkan pelajar mengeluarkan pendapat dalam bahasa Arab.	0	0	7 (23.3%)	21 (70%)	2 (6.7%)

#### b) Aspek Pemikiran Kritis

Berdasarkan Jadual 2, dapatan menunjukkan taburan kekerapan dan peratusan pemikiran kritis dalam PAK21. Secara umumnya, didapati bahawa kebanyakan item dalam aspek ini mencatatkan dapatan sederhana pada semua item di antara 56.7% hingga 50% kecuali item B4 yang mencatatkan dapatan yang lebih baik dalam kekerapan dan peratusan untuk jawapan *Kerap* dan *Sangat Kerap* (N 16, 53.4%).

**Jadual 2: Taburan Kekerapan dan Peratusan Aspek Pemikiran Kritis**

Item	Pernyataan	Kekerapan dan Peratusan				
		Tidak Pernah	Jarang	Sederhana	Kerap	Sangat Kerap
B1	Saya merancang setiap soalan yang diajukan kepada pelajar dalam PdP bahasa Arab.	1 (3.3%)	1 (3.3%)	16 (53.3%)	11 (36.7%)	1 (3.3%)
B2	Saya mengajukan soalan yang menjelaskan pemikiran dalam PdP bahasa Arab.	0	2 (6.7%)	16 (53.3%)	10 (33.3%)	2 (6.7%)
B3	Saya mengajukan soalan yang menentukan sebab dan penjelasan dalam PdP bahasa Arab.	0	1 (3.3%)	15 (50%)	13 (43.3%)	1 (3.3%)
B4	Saya mengajukan soalan yang meneroka pandangan pelajar dalam PdP bahasa Arab.	0	1 (3.3%)	13 (43.3%)	14 (46.7%)	2 (6.7%)
B5	Saya mengajukan soalan yang menguji implikasi dan akibat dalam PdP bahasa Arab.	0	1 (3.3%)	17 (56.7%)	11 (36.7%)	1 (3.3%)

### c) Aspek Kolaborasi

Dalam Jadual 3, dapatan menunjukkan jumlah kekerapan dan peratusan kolaborasi konsep 4C PAK21. Secara umumnya, didapati bahawa 2 item C1 dan C4 mencatatkan dapatan tertinggi untuk jawapan *Kerap* (kekerapan: 20; peratusan: 66.7%) dan *Sangat Kerap* (kekerapan: 17; peratusan: 56.7%), diikuti oleh item C2 (N 14, 46.7%) dan C3 (N 13, 40%) dalam kategori sederhana, dan item C5 (N 5, 16.6%) dengan dapatan paling rendah.

**Jadual 3: Taburan Kekerapan dan Peratusan Aspek Kolaborasi**

Item	Pernyataan	Kekerapan dan Peratusan				
		Tidak Pernah	Jarang	Sederhana	Kerap	Sangat Kerap
C1	Saya menggalakkan PdP secara berkumpulan dalam PdP bahasa Arab.	1 (3.3%)	1 (3.3%)	8 (26.7%)	15 (50%)	5 (16.7%)
C2	Saya menggalakkan PdP bahasa Arab yang bercorak penyelesaian masalah.	0	2 (6.7%)	14 (46.7%)	12 (40%)	2 (6.7%)
C3	Saya menggalakkan aktiviti lakonan dan simulasi dalam PdP bahasa Arab.	2 (6.7%)	10 (33.3%)	6 (20%)	11 (36.7%)	1 (3.3%)
C4	Saya menggunakan peta pemikiran untuk menjana	0	3 (10%)	10 (33.3%)	14 (46.7%)	3 (10%)

	idea pelajar dalam PdP bahasa Arab.					
C5	Saya menjalankan aktiviti PdP bahasa Arab yang bercorak inkuiiri penemuan.	1 (3.3%)	4 (13.3%)	20 (66.7%)	4 (13.3%)	1 (3.3%)

**d) Aspek Komunikasi**

Jadual 4 pula menunjukkan taburan kekerapan dan peratusan komunikasi konsep 4C PAK21 bagi guru-guru bahasa Arab dalam kajian ini. Secara umumnya, didapati bahawa kesemua item daripada D1 hingga D5 mencatatkan peratusan melebihi 50% bagi kelima-lima item komunikasi di antara 53.3% dalam item D2 hingga 70% dalam item D1.

**Jadual 4: Taburan Kekerapan dan Peratusan Aspek Komunikasi**

Item	Pernyataan	Kekerapan dan Peratusan				
		Tidak Pernah	Jarang	Sederhana	Kerap	Sangat Kerap
D1	Saya menggalakkan kaedah perbincangan dalam kumpulan dalam PdP bahasa Arab.	0	3 (10%)	6 (20%)	16 (53.3%)	5 (16.7%)
D2	Saya menggalakkan pelajar menggunakan pelbagai bahan untuk pembentangan dalam PdP bahasa Arab.	0	5 (16.7%)	9 (30%)	12 (40%)	4 (13.3%)
D3	Saya menggalakkan perkongsian pengetahuan dalam pembentangan dalam PdP bahasa Arab.	0	1 (3.3%)	11 (36.7%)	15 (50%)	3 (10%)
D4	Saya sentiasa menggalakkan pelajar memberikan idea dalam aktiviti berkumpulan dalam PdP bahasa Arab.	0	0	13 (43.3%)	13 (43.3%)	4 (13.3%)
D5	Saya membimbing kemahiran komunikasi pelajar dalam PdP bahasa Arab.	0	0	12 (40%)	15 (50%)	3 (10%)

**e) Cadangan Penambahbaikan PAK 21 di Sekolah-sekolah**

Dapatan respons daripada cadangan penambahbaikan yang patut dilakukan di sekolah-sekolah dalam melaksanakan PAK21 daripada responden adalah seperti berikut:

**Jadual 5: Dapatan Soalan Terbuka**

Tema Utama	Sub Tema
1- Kemudahan prasarana PdP	a) Menyediakan kemudahan seperti peralatan ICT dan dana khas serta program kunjung bantu untuk memberi kefahaman dan perkongsian idea mengikut subjek agar guru <sup>2</sup> dapat mengaplikasikan PAK21 mengikut kesesuaian subjek masing-masing. Hal ini kerana kebiasaannya penyebaran PAK21 dibuat secara umum sahaja dan menerima

	<p>keluhan dari guru<sup>2</sup> yang kurang memahami cara terbaik untuk mengaplikasikan PAK21 dalam pengajaran masing-masing.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>b) Perluasan capaian internet. Kebanyakan sekolah tidak mendapat internet yg optimum bagi tujuan pembelajaran termasuk gajet.</li> <li>c) Menambah alat bantuan mengajar elektronik</li> <li>d) Menyediakan 1 tablet bagi setiap pelajar.</li> <li>e) Menyediakan projektor LCD dalam kelas.</li> </ul>
2- Pengurusan bilik darjah	<ul style="list-style-type: none"> <li>a) Kurangkan jumlah maksimum murid kerana PAK21 terganggu kerana bilangan murid yang terlampaui ramai dan kelas yang sempit.</li> <li>b) Keluasan kelas yang sesuai dengan jumlah murid untuk aktiviti PAK21</li> <li>c) Meraikan kepelbagaian murid di dalam pembelajaran dan pengajaran.</li> <li>d) Bilangan pelajar bawah 25 orang setiap kelas.</li> </ul>
3- Sokongan sumber pihak berautoriti.	<ul style="list-style-type: none"> <li>a) Menambah peruntukan kewangan utk membeli bahan PdP.</li> <li>b) Membekalkan sumber untuk memudahkan pelajar mengakses maklumat</li> <li>c) Menyediakan modal untuk guru bagi menyediakan bahan PdP bagi melaksanakan aktiviti PAK21 di dalam kelas.</li> <li>d) Menyediakan bengkel atau menghantar guru untuk menyertai bengkel berkaitan cara PdP PAK21 bagi mengasah kemahiran yang sedia ada.</li> </ul>
4- Penekanan terhadap PdP yang sesuai	<ul style="list-style-type: none"> <li>a) Mengadakan ‘flip classroom’.</li> <li>b) Penambahan modul pembelajaran untuk luar kelas bahasa Arab.</li> <li>c) Terapkan penguasaan kosa kata dan komunikasi bahasa Arab.</li> </ul>
5- Kawalan kualiti aplikasi PdP	<ul style="list-style-type: none"> <li>a) Mestilah diwujudkan panel penilai bagi PAK 21.</li> <li>b) Menganjurkan kursus-kursus berkaitan buat para guru dan ibu bapa.</li> <li>c) Guru perlu mengikuti kursus PAK21 secara lebih formal.</li> </ul>

## Perbincangan Dapatan Kajian

Perbincangan daripada dapatan kajian ini dapat dibahagikan seperti berikut:

*a) Pengetahuan dan Pemahaman Terhadap Aplikasi Konsep PAK21*

Secara umumnya, kajian ini mendapati bahawa para responden dalam kajian ini mempunyai pengetahuan dan pemahaman yang baik tentang aplikasi elemen 4C dalam PAK21. Namun begitu, terdapat perbezaan daripada taburan kekerapan dan peratusan yang dicatatkan. Daripada keempat-empat elemen 4C yang dikaji, aspek kreativiti dan komunikasi menunjukkan tahap yang lebih baik berbanding aspek kolaborasi manakala aspek pemikiran kritis menunjukkan tahap paling rendah. Ini menunjukkan bahawa

responden kajian yang terdiri daripada para guru bahasa Arab dari pelbagai negeri di Malaysia masih memerlukan kepada bimbingan dan penambahbaikan dalam aspek aplikasi pemikiran kritis PAK 21 dalam PdP bahasa.

*b) Aplikasi konsep 4C abad ke-21 dalam PdP*

Dalam analisis yang lebih terperinci, kesemua item dalam 4 konstruk soal selidik elemen 4C PAK21 masih mempunyai ruang untuk ditambah baik. Contohnya dalam aspek kreativiti, para responden masih perlu memperbaiki kemahiran membina bahan PdP yang kreatif dan mengamalkan penyoalan yang kreatif bahasa Arab. Manakala dalam aspek pemikiran kritis, kajian ini merumuskan bahawa para responden masih sangat perlu memperbaiki semua item berkaitan meliputi kemahiran merancang setiap soalan yang diajukan kepada pelajar, mengajukan soalan yang menjelaskan pemikiran, mengajukan soalan yang menentukan sebab dan penjelasan, mengajukan soalan yang meneroka pandangan pelajar dan mengajukan soalan yang menguji implikasi dan akibat dalam PdP bahasa Arab.

Dari aspek kolaborasi, kajian ini merumuskan bahawa para responden masih perlu memperbaiki kemahiran melaksanakan PdP bahasa Arab yang bercorak penyelesaian masalah, aktiviti lakonan dan simulasi dan aktiviti PdP bahasa Arab yang bercorak inkuiiri penemuan. Manakala aspek komunikasi menunjukkan tahap kemahiran yang sangat baik dalam kalangan responden yang meliputi kemahiran kaedah perbincangan dalam kumpulan, pembentangan, perkongsian pengetahuan, menggalakkan pelajar memberikan idea dalam aktiviti berkumpulan dan kemahiran komunikasi pelajar.

Justeru, aspek komunikasi merupakan elemen terakhir yang boleh diberikan penekanan dalam penambahbaikan aplikasi elemen 4C PAK21 dalam PdP bahasa Arab dalam kalangan responden kerana kebanyakan para guru telah pun biasa dalam pelaksanaan elemen ini termasuk dalam subjek-subjek lain di sekolah. Justeru, lebih banyak latihan intensif yang berkaitan dengan model PdP yang berkaitan dengan aplikasi PAK-21 yang pelbagai perlukan dilaksanakan agar para guru bahasa Arab mampu melaksankannya dengan berkesan dan mengembangkannya berdasarkan kreativiti masing-masing.

*c) Cadangan Penambahbaikan PAK 21 Bahasa Arab di Sekolah-sekolah*

Dapatan kualitatif daripada responden menunjukkan bahawa mereka masih memerlukan kepada sokongan dan latihan berkaitan aplikasi PAK21 terutamanya dalam PdP bahasa Arab sama ada berbentuk formal, secara berkala dan berterusan. Selain itu, aspek penyediaan prasarana PdP yang mencukupi dan pengurusan bilik darjah yang sesuai memainkan peranan penting dalam aplikasi PAK21 yang berkesan. Selain itu, pihak berautoriti juga perlu mengambil berat tentang pendedahan para guru terhadap pelaksanaan aktiviti PdP yang sesuai dan aspek kawalan kualiti aplikasi PAK21 dalam PdP dalam bahasa Arab.

Penulis juga suka mencadangkan agar para guru Bahasa Arab merujuk buku teks Bahasa Arab KSSM Tingkatan 4 yang digunakan di sekolah-sekolah menengah KPM bermula daripada tahun 2020 kerana buku ini memberikan contoh-contoh aktiviti PAK21 yang sesuai untuk PdP Bahasa Arab yang bersesuaian dengan menggunakan istilah-istilah PAK21 Bahasa Arab sendiri (Yuslina, et. al. 2019).

## Kesimpulan

Sebagai rumusannya, kajian ini telah membincangkan amalan kendiri dalam kalangan guru pelajar Mod Pengajian Sarjana Pendidikan Bahasa Arab Cuti Sekolah, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), kampus Gombak, Kuala Lumpur dalam pengaplikasian konsep Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21) dalam PdP di sekolah-sekolah mereka berkaitan konsep *kreatif, pemikiran kritikal, kolaborasi dan komunikasi* oleh para responden dalam mengaplikasikan PAK21 dalam PdP dalam bahasa Arab. Kajian ini telah menunjukkan aspek yang perlu diberikan penekanan dan penambahbaikan berterusan dalam memastikan aplikasi PAK21 dalam PdP dalam bahasa Arab dapat dilaksanakan dengan berkesan. Walaupun dapatan kajian tidak menyentuh secara langsung strategi dan aktiviti pembelajaran PAK 21 yang digunakan oleh para responden disebabkan batasan kajian, namun penulis percaya bahawa para responden memahaminya berdasarkan sesi pengajaran mikro yang dilaksanakan dalam kursus-kursus Pengajian Sarjana Pendidikan Bahasa Arab Mod Cuti Sekolah, UIAM.

## Rujukan

- Abdul Razif, Z., Noor Shamsinar Z., Ahmad Redzaudin, G., Mohd Rofian, I., Hasmadi, H., Ahmad Zabidi, A. R., Rushdan, A. & Naqibah, M. (2017). *Kompetensi guru bahasa Arab dalam pengajaran bahasa Arab di sekolah rendah Kementerian Pendidikan Malaysia*. Laporan Geran Penyelidikan Inovasi Kuis, 2016.
- Ainun Rahmah, I., Zamri, M. & Wan Muna Ruzanna, W. M. (2017). Pembelajaran abad ke-21 dan pengaruhnya terhadap sikap, motivasi dan pencapaian bahasa Melayu pelajar sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 7(2) 77-88.
- Azalya, A. (2003). *Kepentingan kemahiran generik di kalangan pekerja di industri elektrik dan elektronik di Bayan Lepas, Pulau Pinang*. (Projek Sarjana Muda tidak diterbitkn), Shah Alam, Universiti Teknologi Malaysia, Malaysia.
- Aziz, O. (2011). Kualiti pelajar praktikum Institut Pendidikan Guru Kampus Dato“ Razali Ismail. *Jurnal Penyelidikan Muaddib*. 7, 72-86.
- Buletin Anjakan. (2015). *Pelan pembangunan pendidikan Malaysia 2013-2025 (Bil.4)*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Husni, A., Abd Razif, Z., Khairatul Akmar, A. L., Hasanah, I., Ku Fatahiyah, K. A., Wan Sakiah, W. N. & Naqibah, M. (2018). Pendidikan abad ke-21 dalam pengajaran bahasa Arab di sekolah menengah di Malaysia: Amalan dan cabaran. *International Research Management & Innovation Conference (5th IRMIC 2018)* Palm Garden Hotel, Putrajaya 7 August 2018.
- KPM (t.t). Kit Penerangan PAK21. Pautan : <https://app.box.com/s/lgs3134l4m776citpmy8w1grq1efecp>

KPM (2006). *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.

KPM (2013). *Pelan pembangunan pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Masyuniza, Y. & Zamri, M. (2013). Penyepaduan kemahiran abad ke-21 dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. *Prosiding Seminar Pascasiswazah Pendidikan Bahasa Melayu & Kesusastraan Melayu Kali Pertama*, 338-352.

Norhailmi, A. m. (2016). *cikgu hailmi.com - konsep 4c dalam pembelajaran abad ke-21 (PAK21): Malaysia*. [online] diakses daripada <http://www.cikguhailmi.com/2016/03/konsep-4c-dalam-pembelajaran-abad-21.html> pada April 15, 2017.

Pendidik2u.my (2018). Apa itu pembelajaran abad ke-21 (PAK21). pautan: <https://www.pendidik2u.my/pembelajaran-abad-ke-21-pak21/>

Raja Abdullah, R. I. & Daud, I. (2018). Aplikasi ‘konsep 4c’ pembelajaran abad ke-21 dalam kalangan guru pelatih pengajian agama institut pendidikan guru kampus Dato’ Razali Ismail. *Asian People Journal (APJ) 1(1)* 45-65.

Rohani, A., Hazri, J. & Mohammad Zohir, A. (2017). Model bersepadu penerapan kemahiran abad ke-21 dalam pengajaran dan pembelajaran integrated model of infusing 21st century skills in teaching and learning. *Jurnal Pendidikan Malaysia 42(1)* 1-11.

Yuslina, M., Nor Faridawati, A. & Hamadallah, M. S. (2019). *Al-lughah al-Arabiyyah li al-sanah al-Rabi’ah* KSSM. KPM & Aras Mega (M) Sdn. Bhd. Pautan: <https://drive.google.com/file/d/1VeaYMJxwMLc32BnL1YrnDRIGYffdka00/view>